

Surat khabar: Utusan Sarawak (Berita Perdana)

Hari/Tarikh: 24/8/2016

Muka surat: 3

Tajuk : Hutan terbuka untuk penyelidikan

## Hutan terbuka untuk penyelidikan

**KUCHING:** Kerajaan Negeri tidak lagi menghalang universiti dari negara lain menjalankan penyelidikan di kawasan hutan dilindungi di negeri ini, malahan amat mengalu-alukan mereka menjalankan penyelidikan di kawasan terbabit.

Menteri Muda Alam Sekitar, Datu Haji Len Talif Salleh berkata demikian dan menjelaskan yang negeri ini sudah membuka kawasan hutan dilindungi terbabit kepada kalangan penyelidik universiti luar negara.

"Negeri ini sudah membuka kawasan hutan dilindungi (bagi penyelidik universiti dari negara lain) malahan berapa tahun lalu kita telah mengadakan perjanjian persefahaman (MoU) mengenainya dengan sekitar tujuh hingga 10 universiti di Jepun," katanya.

Beliau yang juga Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri (Pembangunan Tenaga Kerja dan Latihan) ketika majlis makan malam perasmian Persidangan Antarabangsa Organic Synthesis (ICOS) di sini, semalam.

Persidangan terbabit dianjurkan bersama Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang disertai lebih 100 penyelidik dan ahli akademik dari serta dunia termasuk dari Jepun, China, Taiwan, Thailand dan India.

Len berkata dengan menandatangani perjanjian persefahaman dengan universiti dari Jepun terbabit negeri mula membuka kawasan hutan lindungnya termasuk taman negara, hutan simpan dan kawasan

perlindungan hidupan liar yang kaya dengan tumbuhan dan haiwan.

"Jadi kami memang mengalu-alukan institusi penyelidikan dari seluruh pelusuk dunia untuk datang ke Sarawak dan bekerjasama dengan Pusat Biodiversiti Sarawak atau Jabatan Perhutanan serta Sarawak Forestry Corporation atau organisasi lain di negeri ini bagi tujuan itu," katanya.

Beliau berkata ketika ini sebanyak enam kawasan hutan dilindungi samada taman negara, kawasan perlindungan hidupan liar dan hutan simpan terletak hanya satu jam perjalanan menggunakan jalan raya dari bandar raya Kuching yang mudah dikunjungi mereka yang mahu menjalankan aktiviti penyelidikan.

Malahan Taman Negara Bako yang merupakan taman negara tertua di negeri ini diwartakan sejak 1957 dan kaya sumber biodiversiti hanya sekitar 30 minit sahaja perjalanan menggunakan jalan raya dari bandar raya ini.

"Kamu (penyelidik universiti luar negara) boleh melihat ikan dolpin dan buaya di habitat liarnya di taman itu manakala orang utan di kawasan hutan dilindungi lain serta penyu di satu pulau yang ada tidak jauh dari bandar raya ini," katanya.

Beliau turut menggalakkan penyelidik menghadiri persidangan antarabangsa selama dua hari itu juga tidak melepaskan peluang mengunjungi kawasan hutan dilindungi terbabit.

- Michael Sering



**RASMI ...** Datu Haji Len Talif Salleh (tiga dari kiri) memukul gong sebagai merasmikan perasmian Persidangan Antarabangsa Organic Synthesis (ICOS).